



KOPI PAHIT

Orang-orang Islam umumnya mengetahui bahawa Tuhan berfirman yang ringkasnya: barang siapa (manusia) tidak menghukum dengan hukum Allah maka orang itu fasiq, zalim dan kafir. Orang-orang yang beriman semuanya membenarkan dan beriman dengan firman Tuhan itu sekalipun ia tidak berupaya menjalankannya. Tetapi Tengku pula lain pendapatnya - Tengku berkata bahawa undang-undang Tuhan jangan dicampurkan dengan undang-undang negara. Mā shā Allāh Tengku, sekali lagi mā shā Allāh!

* * *

Tengku, seterusnya menyambung bahawa kalau undang-undang Tuhan digunakan negara akan kacau bilau dan permusuhan di antara rakyat dalam negara ini akan berlaku. Mā shā Allāh! *Lā hawla walā quwwata illa billāhi!* Agama Tuhan adalah agama yang menyeru kepada berbuat baik dan menegah daripada kejahanatan-agama Tuhan adalah meliputi hidup dalam peribadi, masyarakat dan bernegara dan boleh berjalan kepada semua masa. Orang-orang Islam berasa dukacita mendengar pengertian itu yang dikeluarkan oleh seorang ketua negara. Baik-baik Tengku! Janganlah selalu hendak menyakiti perasaan umat Islam, Tengku!

* * *

Dan kena mata dipincingkan, kena perut dikempiskan, Pak Abu dan Awang Sulung- bungkam. Begitulah Pak Abu dan Awang, kalau orang yang bersifat *mudhabdhībīna bayna dhālikā* ya tak Ustaz Pak Abu? Mahu hidupkan, semuanya telan sahaja....diam-diam udahlah....!

* * *

Faḍīlah al-ustādh Sheikh Mahmoud Shaltut, Shaykh al-Azhar dalam lawatannya di Tanah Melayu telah singgah di Singapura selama sehari. Orang-orang diminta menyambut kedatangan beliau di Paya Lebar Airport tetapi masing-masing hampa kerana tidak

dapat ditemui. Ini bertambah-tambah lagi kerana tidak ada satu perjumpaan pun diadakan. Dengan itu ertiinya orang-orang kempunan. Kesian “pemimpin-pemimpin” Singapura - diminta menyambut tetapi mereka hanya terletak di luar pagar! Alhamdulillah kata mereka.

Apabila faḍīlah al-ustādh Sheikh Mahmoud Shaltut di Kuala Lumpur, banyak pertanyaan dikemukakan di antaranya perkara *investment*. Kahabarnya beliau meluluskan dalam perkara ini tetapi orang-orang masih tidak terang adakah fatwa itu mengenai membeli syer atau dalam perkara membeli bon. Kalau syer tidak ada bantahannya tetapi kalau bon tentunya orang Islam tidak mahu menerimanya, begitu sahaja kalau tidak ada alasan diberi. Orang berkeyakinan bahawa Shaykh al-Azhar ini tidak akan menghalalkan bon!

* * *

Yang orang ramai Islam sekarang tertanya-tanya ialah adakah perkara membuat masjid daripada wang loteri masyarakat itu telah ditanya kepada Shaykh al-Azhar itu. Orang ramai harus menyangka perkara itu tentu telah ditanya tetapi kerana jawabnya harus berlawanan dengan amal yang ada maka jawab itu tidak disiarkan. Kalau loteri dihalalkan tentunya fatwanya telah rebut luas tersiar. Harus, pula sistem kena mata dipincingkan, kena perut dikempiskan sudah melarat.

* * *

Adalah dikatakan bahawa tuan Syed Isa, Timbalan Speaker Parlimen Persekutuan Tanah Melayu dikatakan telah berfatwa! Bahawa membeli loteri haram, mendapat hadiah loteri haram tetapi wang hasil loteri halal dibuat masjid! Mā shā Allāhu habib!. Mā shā Allāh! Apakah dalilnya?

* * *

Akhir al-kalām kita meminta dengan sangat kepada Tengku Abdu Rahman kalau mahu membina Masjid Jamek di Kuala Lumpur sebagai simbol negara keluarkanlah wang syubhah itu supaya masjid itu bersih dan amalnya berkepanjangan. Kalau wang-wangnya sudah diterima – keluarkan dan binalah bayt Allah itu dengan wang yang bersih! Ingatlah kita akan menghadapi Tuhan dan pertanggungjawaban kita akan ditanya.